

**INISIATIF NCER UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DI PERLIS KINI RANCAK**

*Pelaburan Strategik, Projek Berimpak Tinggi dan Penciptaan Peluang Pekerjaan Terus  
Merencanakan Ekonomi dan Meningkatkan Kehidupan Rakyat*

**Kangar, Perlis 26 Oktober** - Pelan Pembangunan Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2021-2025 (SDP) adalah dasar untuk pelaksanaan pelbagai projek pemangkin dan program modal insan untuk rakyat yang sedang dilaksanakan di Perlis bagi meningkatkan lagi ekonomi negeri ketika dunia menghadapi persekitaran kewangan yang mencabar.

Sehingga penghujung bulan September, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah menyaksikan pelaburan terkumpul di Perlis lebih dari RM530 juta sementara lebih 350 peluang pekerjaan baharu berjaya diwujudkan. Menerusi inisiatif yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Strategik 2021-2025 (SDP) Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER), dijangka bakal meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Perlis kepada RM7.1 bilion selain mencipta lebih 5,700 peluang pekerjaan baharu dan 1,400 usahawan.

“Kerajaan Negeri Perlis kini sedang berganding bahu dengan NCIA dalam melaksanakan pendekatan tiga-serampang seperti yang termaktub di dalam SDP bagi menyediakan pembangunan modal insan, merencanakan pertumbuhan pelaburan serta meningkatkan keterhubungan dan infrastruktur strategik dalam memastikan kewujudan peluang pekerjaan dan mata pencarian rakyat terjamin”, kata Menteri Besar Perlis, YAB Datuk Seri Azlan Man di mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri (JPN) yang diadakan awal hari ini.

Salah sebuah projek utama yang diharap dapat memulakan proses pemulihan ekonomi di Perlis ialah Chuping Valley Industrial Area (CVIA). Kerja-kerja pembinaan bagi menyiapkan Fasa Pertama pembangunan CVIA yang berkeluasan 440 ekar kini sedang rancak dijalankan dan dijadualkan siap pada Jun 2022. Pelaburan melebihi RM460 juta di samping lebih 600 peluang pekerjaan baharu kini sedang dalam perancangan terdiri dari syarikat-syarikat yang terlibat dalam bidang pembuatan peralatan kesihatan, elektrik dan elektronik, pendidikan serta industri pertanian pintar (smart farming).

Meskipun berdepan dengan wabak pandemik, CVIA masih lagi berupaya menarik minat pelabur menerusi potensi sedia ada bagi meransang pertumbuhan kawasan berkenaan dengan pelbagai aktiviti perniagaan yang berasaskan inovasi serta intensif pengetahuan

dalam sektor pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi. Sebanyak lebih dari 12,000 peluang pekerjaan bakal diadakan apabila kawasan pembangunan yang jumlah keluasan 2,488 ekar ini disiapkan sepenuhnya kelak.

“Pembangunan dan keberhasilan CVIA ini penting bagi negeri Perlis memandangkan ia merupakan taman perindustrian utama bagi aktiviti ekonomi yang dapat diwujudkan bersama sebagai model lestari dan bakal memiliki jaringan saling menguntungkan dengan industri serta fungsi sokongan berkaitan, seterusnya merencanakan lagi pemulihan sosioekonomi rakyat,” tambah Azlan Man.

Terletak secara strategik berhampiran Sempadan Thailand, antara projek penting lain di Perlis ialah Perlis Inland Port (PIP). PIP kini bakal meningkatkan lagi jaringan logistik dari Sempadan Thailand ke Pelabuhan Pulau Pinang serta bakal merencanakan lagi pembangunan bersepadu di kawasan Lembah Chuping yang merangkumi CVIA dan Lembah Agro Chuping (CAV) dengan memanfaatkan kerjasama serantau Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Sebagai pelengkap kepada pembangunan di Lembah Chuping, CAV merupakan rangkaian-bio pertanian bersepadu yang menyasarkan tanaman alternatif berkualiti tinggi dalam empat sektor agro-makanan yang merangkumi ubi kayu bagi penghasilan kanji, nanas premium MD2, mangga harum manis serta pengeluaran makanan ternakan berasaskan produk sampingan kanji ubi kayu dan biomas.

“Pelaburan Strategik NCIA, Projek Berimpak Tinggi dan Program Modal Insan amat penting dalam menyokong dan mempercepatkan lagi kebangkitan semula ekonomi negeri Perlis menerusi penciptaan peluang pekerjaan serta kegiatan ekonomi untuk rakyat”, tambah Menteri Besar Perlis.

Sehingga kini, terdapat kira-kira 1,800 peserta di kalangan belia, wanita dan graduan menganggur di Perlis yang mendapat manfaat dari Program Modal Insan yang dijalankan oleh NCIA menerusi empowerNCER, entrepreneurNCER dan NCER Talent Enhancement Programme (NTEP). Sehingga kini program Dana Usahawan Bumiputera (DUB) pula telah berjaya mewujudkan 43 buah pekerjaan baharu.

Program-program bersepadu ini bakal menyediakan pembangunan kemahiran keusahawanan yang diperlukan, pendidikan, penempatan pekerjaan, bantuan perniagaan dan kewangan untuk kumpulan sasaran serta insentif kepada sektor swasta dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Sementara itu, JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER adalah program

*fast-track* NCIA yang menyasarkan penyediaan lebih 400 peluang pekerjaan / usahawan bagi membantu mereka yang terkesan akibat wabak pandemik yang sedang melanda.

Selain menangani isu-isu yang mendasari permasalahan rakyat, pelbagai program sedang dijalankan di bawah SDP selain mengatasi isu utama berkaitan kemiskinan seperti yang diutarakan menerusi hasil dapatan data yang dikumpul melalui perbincangan Kumpulan Tumpuan (Focus Group Discussion) yang diadakan baru-baru ini di seminar 2019 Pendapatan Garis Kemiskinan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bagi menyokong usaha membasmi kemiskinan, NCIA kini merangka program khusus bagi kumpulan sasar yang terkesan oleh wabak pandemik yang sedang melanda agar mempunyai peluang pekerjaan dan keusahawanan yang lebih baik. Program-program yang dicadangkan ini bakal dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk pertimbangan selanjutnya.

“Keperluan segera rakyat ketika ini ialah peluang pekerjaan serta pemulihan aktiviti ekonomi. Kami komited memastikan usaha-usaha berkenaan bakal merencanakan lagi proses pemulihan sosioekonomi rakyat Pasca COVID-19. Semua pemegang taruh di dalam NCER seharusnya terus bekerjasama secara bersepadu dalam memerangi persekitaran ekonomi yang mencabar ini demi kepentingan rakyat”, jelas Ketua Pegawai Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John.

– TAMAT –

---

**UNTUK MAKLUMAN EDITOR:**

**Berkenaan NCIA**

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Datuk Seri Jebasingam Issace John selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).


Sila hubungi:



<b>YM Raja Dato' Zamalia Raja Mansur</b> Ketua, Unit Komunikasi Korporat Email: <a href="mailto:rajazamalia@ncer.com.my">rajazamalia@ncer.com.my</a> Mobile: + 019 286 2944   DL: + 604-502 0708	<b>En. Ariff bin Ahmad</b> Ketua, Perhubungan Awam dan Pengurusan Media Unit Komunikasi Korporat Emel: <a href="mailto:ariffahmad@ncer.com.my">ariffahmad@ncer.com.my</a> Mobile: + 016 328 8944   GL: + 604-502 0708
---	---

## MAKLUMAT TAMBAHAN PELABURAN STRATEGIK DAN PROJEK BERIMPAK TINGGI NCIA DI PERLIS

EXISTING & CONTINUATION PROJECTS/PROGRAMMES (RMK-11 & RMK-12)	NEW PROJECTS/PROGRAMMES (RMK-12) RP 1 2021
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlis Superfruit Valley</li> <li>• Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Pembangunan Lembah Chuping (CVIA) *</li> <li>• Kemudahan Infrastruktur Perlis Inland Port (PIP) Di Lembah Chuping *</li> <li>• Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Negeri Perlis (Kangar Sentral) *</li> <li>• Kajian Survei Geofizik Awangan Di Kawasan Koridor Ekonomi Wilayah Utara(NCER) *</li> <li>• Human Capital Development Program - empower@NCER 2.0 *</li> <li>• Human Capital Development Program - entrepreneur@NCER *</li> <li>• Program Investment - Dana Usahawan Bumiputera *</li> <li>• NCER Talent Enhancement Program (NTEP) *</li> </ul> <p style="text-align: right; font-size: small; color: white;">*continuation project</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kasih Ibu NCER</li> </ul>
	NEW PROJECTS/PROGRAMMES RMK-12 RP 2 2022
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan Kuala Perlis Jetty Terminal</li> <li>• Pembangunan Padang Besar Sentral</li> <li>• Perlis – Kedah – Satun Geolink: Gua Kelam</li> <li>• Eco Tourism at Sungai Batu Pahat</li> <li>• Eco &amp; Heritage Tourism at Kuala Perlis</li> <li>• Heritage Tourism at Kangar &amp; Arau</li> <li>• Pembangunan Kota Raja</li> <li>• Infrastruktur Chuping Agro Valley</li> <li>• Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan</li> <li>• Pembangunan Lembah Chuping (CVIA) Fasa 2</li> </ul>

## MAKLUMAT TAMBAHAN PROGRAM MODAL MANUSIA NCIA DI PERLIS

Program Modal Insan yang Ada	Sehingga Oktober 2020
	200 peserta
<p><b>Maklumat Ringkas</b></p> <p>Program pembangunan kemahiran dan keusahawanan untuk golongan muda, wanita, graduan menganggur dalam kategori B40 dan Orang Asli bagi meningkatkan pendapatan mereka menerusi penempatan pekerjaan atau keusahawanan; dan program akademik pelajar lemah dalam pembelajaran bagi mengelakkan kemiskinan pada masa depan.</p>	
Program Modal Insan yang Ada	Sehingga Oktober 2020
	1290 peserta
<p><b>Maklumat Ringkas</b></p> <p>Program perusahaan mikro dan PKS yang menyediakan top-up 50% ke atas kadar pinjaman bank menerusi kerjasama dengan Maybank dan Agrobank, serta bimbingan penjenamaan dan pembangunan produk dan perniagaan.</p>	
Program Modal Insan yang Ada	Sehingga Oktober 2020
	50 peserta
<p><b>Maklumat Ringkas</b></p> <p>Meningkatkan kebolehpasaran dan peluang pekerjaan kepada graduan menganggur dan pekerja yang diberhentikan menerusi insentif modal insan kepada sektor swasta.</p>	
Program Modal Insan yang Ada	Sehingga Oktober 2020
	160 peserta
<p><b>Maklumat Ringkas</b></p> <p>Program ini dilaksanakan untuk menyokong syarikat dan perniagaan yang menggunakan sumber manusia, melabur dan berkembang di NCER. Syarikat yang mengambil bahagian diberi insentif dan akses ke kumpulan bakat yang bervariasi yang terdiri daripada graduan baru, belia, wanita dan pekerja yang diberhentikan untuk memenuhi keperluan operasi mereka.</p>	

Program Modal Insan yang Ada	Sehingga Oktober 2020
	65 peserta
<p><b>Maklumat Ringkas</b>  Program ini ditujukan untuk golongan belia, wanita, perusahaan mikro, dan pekerja yang diberhentikan dalam kategori B40. Sebagai program modal insan yang inklusif, tumpuan akan diberikan kepada latihan modular yang akan dilakukan sehingga tiga (3) bulan untuk membolehkan para peserta menjana pendapatan segera.</p>	
Program Modal Insan yang Ada	Sehingga Oktober 2020
	43 peserta 2 syarikat
<p><b>Maklumat Ringkas</b>  <i>Tipping Point</i> kepada syarikat Bumiputera yang layak untuk menerima geran berjumlah sehingga 15% atau maksimum RM2 juta daripada kos projek.</p>	

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <http://www.ncer.com.my>